

27 JUL 2000

EMBARGO (0001/28 Julai)

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA REPUBLIK PERU

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Peru Alberto Fujimori sempena ulang tahun ke-179 kemerdekaan negara itu.

"Beta berharap semoga Peru terus menikmati keamanan dan kemakmuran di bawah kepimpinan Tuan yang Terutama," menurut perutusan itu.

Sultan Salahuddin juga mengucapkan tahniah kepada Fujimori atas pelantikannya secara rasmi sebagai Presiden Republik Peru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menghantar perutusan yang sama kepada Fujimori dengan harapan bahawa kerjasama antara Malaysia dan Peru dapat diperkukuhkan lagi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Fernando de Trazegnies Granda.

-- BERNAMA

MLS MNY FAZ